Forum Ekonomi Islam Sedunia (WIEF) Ke-10 'Pembangunan Sukuk dan Kestabilan Kewangan' Dubai, 28 Oktober 2014

Ucapan oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Saya amat berbesar hati kerana dapat berada di Dubai dalam Forum Ekonomi Islam Dunia (World Islamic Economic Forum, WIEF) 2014 bagi menyampaikan ucapan pada sesi dialog mengenai potensi pasaran sukuk dan peranannya dalam proses pembangunan ekonomi serta sumbangannya kepada kestabilan kewangan. Dekad yang lalu telah menyaksikan pembangunan pesat pasaran sukuk global. Pasaran sukuk global yang kini mencecah jumlah terkumpul sebanyak USD270 bilion sedang berkembang untuk menjadi sebuah platform tersendiri bagi memupuk hubungan ekonomi dan kewangan antarabangsa yang lebih kukuh. Kejayaan pasaran sukuk mencerminkan keupayaannya untuk memenuhi permintaan ekonomi moden yang semakin berubah dan berbeza, membangunkan struktur dan produk yang inovatif lagi canggih, serta menerbitkan sukuk pada harga yang kompetitif (berdaya saing).

Pasaran sukuk semakin mendapat perhatian daripada kerajaan, institusi pelbagai hala, syarikat multinasional dan kebangsaan dari ekonomi maju dan ekonomi sedang pesat membangun untuk membiayai pelaburan dalam pelbagai aktiviti ekonomi dan projek pembangunan. Jangkauan pasaran sukuk mengikut geografi juga telah bertambah luas, dengan sukuk terkumpul global kini terdapat di lebih 20 buah negara dan jumlah pelaburnya pula merentas Asia, Timur Tengah dan Eropah. Selain terbitan sukuk dalam mata wang rizab antarabangsa termasuk dolar AS, paun Sterling dan Euro, terkini, sukuk juga diterbitkan dalam Renminbi di Malaysia.

Bagi pelabur, sukuk menawarkan peluang pempelbagaian dalam rangkaian kelas aset dan penggunaan teknik yang berbeza dalam penstrukturan instrumen jangka sederhana hingga jangka panjang. Memandangkan sukuk distrukturkan berasaskan aset sandaran, ia tidak menggalakkan dedahan keterlaluan kepada pembiayaan, yang melangkaui nilai aset sandaran. Oleh itu, penerbit sukuk tidak digalakkan membuat pinjaman melebihi nilai aset tersebut. Susulan itu, kemungkinan wujudnya tanggungan hutang yang berlebihan dan kesannya terhadap kestabilan kewangan dapat dikurangkan. Terdapat juga kemungkinan penyertaan secara langsung oleh pelabur dalam projek tersebut, lantas memberi pelabur hak milikan atas aset sandaran, dan hak mendapat bahagian keuntungan atau pendapatan sewa daripada aset sandaran sukuk itu sejajar dengan risiko yang ditanggung berkaitan dengan pemilikan tersebut.

Terbitan sukuk berdaulat merupakan langkah pertama yang memacu perkembangan dana yang mematuhi keperluan Syariah dalam pasaran modal, dengan membentuk harga rujukan yang dijadikan tanda aras bagi entiti sektor swasta dalam aktiviti pemerolehan dana mereka. Dalam kebanyakan keadaan, pihak kerajaan kekal sebagai penerbit paling aktif dalam sejarah pasaran sukuk global, dengan terbitan sukuk berdaulat sahaja menyumbang lebih 80 peratus daripada terbitan sukuk global. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, beberapa negara maju telah memperkukuh rangka kerja undang-undang, pengawalseliaan dan tadbir urus mereka untuk memudahkan terbitan sukuk sedemikian.

Pada masa akan datang, keperluan pembiayaan untuk pembangunan ekonomi dijangka meningkat, terutamanya bagi

ekonomi sedang pesat membangun dan ekonomi membangun di rantau Asia dan Timur Tengah yang memerlukan jumlah modal yang besar untuk membiayai infrastruktur baharu dan menyokong pembangunan ekonomi. Memandangkan saiz projek yang sangat besar, ekuiti dan belanjawan kerajaan tidak boleh menjadi satu-satunya sumber pembiayaan untuk fasa pertumbuhan ekonomi dan perindustrian selanjutnya di rantau ini. Pasaran sukuk berpotensi menjadi satu sumber pendanaan baharu yang penting bagi projek jangka panjang sedemikian. Sejak dekad yang lalu, sebanyak USD95 bilion sukuk infrastruktur diterbitkan oleh lebih 10 negara. Di Asia, anggaran pendanaan sebanyak USD8.3 trilion diperlukan sehingga tahun 2020 untuk projek infrastruktur, manakala keperluan pembiayaan di Timur Tengah pula dianggarkan sebanyak USD2 trilion bagi tempoh yang sama. Ekonomi membangun di Afrika juga mula memasuki pasaran sukuk bagi membiayai infrastrukturnya dengan beberapa negara di rantau tersebut telah pun mewujudkan asas perundangan untuk terbitan sukuk.

Walau bagaimanapun, penarafan yang rendah terhadap kerajaan telah mengehadkan keupayaan beberapa negara membangun yang mencatat pertumbuhan tinggi untuk mendapatkan dana tersebut, walaupun mereka kaya dengan sumber semula jadi. Negara-negara yang kaya dengan sumber semula jadi, bagaimanapun, boleh menggunakan sumber semula jadi tersebut sebagai aset sandaran untuk terbitan sukuk berkenaan. Dengan itu, pembiayaan boleh diperoleh daripada pensekuritian aset tersebut. Memandangkan pelabur mempunyai hak tuntutan ke atas aset, ini menggalakkan disiplin dan tadbir urus yang utuh dalam pengurusan projek. Di samping itu, bank pembangunan pelbagai hala juga boleh memudahkan proses ini dengan menyediakan jaminan kredit kepada negara-negara tersebut bagi mengurangkan kos pembiayaan dan meningkatkan kualiti terbitan sukuk. Dalam hal ini, bank pembangunan pelbagai hala, seperti Kumpulan Bank Pembangunan Islam (IDB) dan Bank Pembangunan Asia (ADB) telah memulakan inisiatif untuk menyokong negara anggota memanfaatkan kewangan Islam sebagai sumber pendanaan, melalui penyediaan khidmat nasihat, pembinaan kapasiti dan bantuan teknikal.

Izinkan saya berkongsi pengalaman Malaysia membangunkan pasaran sukuknya dalam pasaran kewangan Islam. Pasaran modal Islam di Malaysia telah dibangunkan secara sistematik untuk memastikan terdapatnya akses dan perlindungan buat pelabur serta proses pengantaraan yang cekap. Inisiatif untuk membangunkan pasaran sukuk juga bertunjangkan rangka kerja perundangan dan Syariah yang turut disokong infrastruktur kewangan yang teguh, termasuk sistem penyelesaian dan maklumat bon, yang membolehkan Malaysia menyediakan platform terbitan dan urus niaga sukuk yang serba lengkap.

Sejak terbitan sukuk yang pertama pada tahun 1990 oleh sebuah syarikat multinasional di Malaysia, saiz sukuk terkumpul dalam pasaran Malaysia kini berjumlah USD158 bilion. Pada tahun 2002, kerajaan Malaysia menerbitkan sukuk global berdaulat buat julung kalinya, dan memperoleh dana sebanyak USD600 juta. Terbitan ini menjadi penanda aras antarabangsa bagi terbitan sukuk berdaulat pada peringkat global. Langkah-langkah meliberalkan pasaran kini membolehkan institusi kewangan pelbagai hala, syarikat multinasional dan syarikat kebangsaan dari negara lain untuk menerbitkan sukuk dalam denominasi ringgit dan bukan ringgit dalam pasaran sukuk Malaysia sejajar dengan jumlah penyertaan pelabur asing yang semakin bertambah dalam terbitan sedemikian.

Pasaran sukuk di Malaysia telah menyaksikan pelbagai struktur yang inovatif dan kepelbagaian yang lebih meluas dari segi jenis dan tempoh matang sukuk. Terbitan yang menjadi mercu tanda ialah sukuk *Musyarakah* boleh tukar berjumlah USD750 juta yang diterbitkan pada tahun 2006 oleh Khazanah, iaitu sebuah perbadanan pelaburan kerajaan. Terbitan yang bertujuan untuk menjual kepentingan dalam Telekom Malaysia, merupakan terbitan pertama seumpamanya dengan menggabungkan ciri boleh ubah

sepenuhnya, yang sama dengan transaksi berkaitan ekuiti konvensional. Terbitan utama seterusnya ialah terbitan julung kali sukuk runcit untuk memperoleh dana bagi projek pengangkutan yang memberikan peluang kepada pelabur runcit untuk mendapat akses langsung kepada pasaran sukuk dan sekali gus memiliki kepentingan dalam pembangunan infrastruktur berskala besar di negara ini. Hasilnya, rangkaian produk pelaburan berisiko rendah bagi pelabur sedemikian telah diperluas. Dari segi tempoh matang, pasaran sukuk ringgit telah menyaksikan terbitan sukuk dengan tempoh matang sehingga 30 tahun yang mendapat sambutan amat menggalakkan daripada pasaran kewangan. Terbitan sukuk oleh kerajaan Malaysia secara berkala dengan tempoh matang yang berbeza-beza juga telah membentuk satu keluk kadar hasil tanda aras untuk dijadikan rujukan pasaran, yang dilengkapi pembentukan beberapa indeks sukuk dalam denominasi bukan ringgit dan ringgit, sebagai penanda aras bagi memantau perkembangan prestasi sukuk. Inisiatif-inisiatif ini telah menyumbang ke arah mewujudkan pasaran sukuk sekunder yang aktif di Malaysia secara progresif, dengan kedalaman dan mudah tunai yang meningkat.

Dalam usaha memperlengkap pasaran sukuk sebagai satu sumber pemerolehan dana, usaha sedang giat dijalankan bagi menerokai saluran pembiayaan lain untuk membantu perusahaan kecil dan sederhana, industri pertumbuhan baharu dan usahawan yang mempunyai akses yang terhad kepada pasaran sukuk. Satu platform pelaburan pelbagai bank kini sedang dibangunkan untuk memadankan dana secara berkesan antara pelabur berpotensi dengan industri dan usaha niaga sasaran dalam sektor ekonomi benar. Institusi kewangan Islam dan pelabur asing berpeluang untuk mendapat manfaat daripada platform ini, melalui tawaran pilihan pembiayaan pelbagai mata wang untuk projek di luar negeri. Platform ini membantu bank-bank Islam untuk melaksanakan fungsi pengantaraan pelaburan mereka. Platform ini terus meningkatkan peranan pengantaraan institusi perbankan Islam untuk turut berfungsi sebagai institusi pengantara pelaburan.

Dalam mendepani pasaran kewangan global yang semakin bersifat antarabangsa dan telah menjana aliran modal merentas sempadan yang besar, salah satu keperluan penting ialah memperbanyak instrumen kewangan Islam boleh niaga merentas sempadan yang dapat memenuhi kepelbagaian profil kesanggupan mengambil risiko para pelabur. Terbitan sukuk jangka pendek oleh Perbadanan Pengurusan Likuiditi Islam Antarabangsa (IILM) merupakan kejayaan besar dalam inovasi ke arah meningkatkan aliran mudah tunai merentas sempadan, yang boleh memperkukuh kestabilan kewangan dan kecekapan fungsi pasaran kewangan Islam.

Izinkan saya merumuskan ucapan saya. Terdapat penunjuk yang jelas bahawa pasaran sukuk semakin relevan dan penting, dengan minat yang semakin meningkat dari negara-negara sedang pesat membangun dan maju serta pendekatan strategik yang diambil untuk mempelbagaikan sumber pendanaan melalui pasaran sukuk. Hala tuju dan potensi pasaran sukuk global secara keseluruhan sememangnya telah diperakui, terutama peranannya untuk menyumbang ke arah pembangunan ekonomi yang lebih kukuh. Sukuk mempunyai potensi yang besar, khususnya dalam pembiayaan projek infrastruktur. Ini sangat relevan bagi negara-negara di rantau GCC, Afrika dan Asia, memandangkan tahap keperluan terhadap infrastruktur pada masa akan datang. Ini akan menyumbang ke arah pembangunan pasaran sukuk global yang lebih dalam dan lebih cair, cekap dan berkesan. Dinamisme pasaran sukuk juga menyumbang kepada pengukuhan kestabilan kewangan dan membantu peningkatan aliran pelaburan antara rantau. Sambil kita melangkah ke arah pengantarabangsaan kewangan Islam yang lebih meluas dan integrasi kewangan global yang lebih kukuh, kewangan Islam akan menyumbang kepada proses pertumbuhan global dan kestabilan kewangan yang saling memperkukuh.

Sidang Kemuncak Pendidikan Kewangan Citi-FT 2014: "Pendidikan Kewangan Demi Rangkuman Kewangan yang Bermakna" Kuala Lumpur, 5 November 2014

Ucapan oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Saya amat berbesar hati kerana dapat menghadiri Sidang Kemuncak Pendidikan Kewangan Citi-FT 2014 pada pagi ini. Terlebih dahulu, izinkan saya mengalu-alukan Sidang Kemuncak Citi-FT yang diadakan buat kali kedua di Kuala Lumpur. Saya juga berbesar hati kerana sekali lagi diberikan penghormatan untuk memberikan ucapan pada Sidang Kemuncak ini yang kini telah menempa nama sebagai satu forum penting untuk mengetengahkan agenda celik kewangan. Semasa Sidang Kemuncak Pendidikan Kewangan Citi-INSEAD kali pertama diadakan di Hong Kong pada tahun 2004, saya telah menyentuh tentang pendidikan kewangan dalam konteks kuasa demografi di Asia dan kesannya kepada pengguna kewangan, khususnya wanita di Asia. Hari ini, satu lagi peralihan demografi – "urbanisasi pesat" – memberikan konteks baharu dalam perbincangan kita tentang cabaran melaksanakan strategi pendidikan kewangan yang bermakna dalam usaha menerapkan pengurusan kewangan yang berkesan dan bertanggungjawab dalam masyarakat kita. Ucapan saya pada hari ini akan memberikan tumpuan pada perubahan demografi dan peranan pendidikan kewangan dalam memantapkan keupayaan untuk menghadapi realiti persekitaran baharu ini.

Rantau Asia mungkin telah mengalami perubahan demografi yang paling pesat di dunia. Dalam tempoh dua dekad kebelakangan ini, beberapa ekonomi Asia terpaksa menghadapi beberapa cabaran baharu termasuk pertumbuhan penduduk yang lebih perlahan, penuaan yang lebih pantas, urbanisasi yang berkembang pesat dan kesan daripada jangka hayat yang makin meningkat. Penduduk bandar di Asia telah meningkat daripada 33% jumlah penduduk pada tahun 1990 kepada 43% pada tahun 2010. Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengunjurkan bahawa kadar urbanisasi Asia akan meningkat kepada 56% pada tahun 2030, dan seterusnya kepada 64% pada tahun 2050. Urbanisasi ini diiringi pertumbuhan bandar raya mega dengan penduduk melebihi 10 juta. Sebanyak 12 daripada 21 bandar raya mega di dunia terletak di Asia, termasuk Tokyo, Delhi, Mumbai dan Shanghai.

Urbanisasi di Malaysia menjadi lebih ketara dalam tempoh ini. Perkadaran penduduk Malaysia yang menetap di kawasan bandar telah meningkat kurang daripada 50 peratus pada tahun 1990 kepada lebih 70 peratus pada tahun 2010, dan dijangka meningkat lagi kepada 75 peratus pada tahun 2020. Pendidikan yang bertambah baik dan peningkatan pendapatan berikutan urbanisasi telah membuka peluang bagi akses kepada produk dan perkhidmatan kewangan yang lebih meluas. Institusi dan pasaran kewangan telah bertindak balas terhadap perubahan profil pengguna kewangan dengan menawarkan instrumen kewangan yang lebih pelbagai dan menyediakan akses mudah bagi memenuhi pilihan pengguna yang berubah-ubah.

Walau bagaimanapun, kita semua menyedari bahawa pertumbuhan dan pembangunan ekonomi, sehebat mana sekalipun, akan mula menurun apabila wujudnya ketidaksamarataan dan jurang pendapatan semakin melebar. Oleh itu, pertumbuhan seimbang amat perlu

bagi mencapai kemajuan sosioekonomi dan menghindari keadaan yang mengehadkan peluang pekerjaan yang akan memburukkan lagi ketidaksamarataan pendapatan dan kekayaan. Dalam beberapa ekonomi sedang pesat membangun, keadaan sedemikian mencerminkan fenomena miskin bandar yang makin meningkat, yang memberikan kesan nyata terhadap kestabilan sosial dan pertumbuhan seimbang. Bagi menangani masalah ini, strategi pertumbuhan yang inklusif telah menjadi perkara penting dalam kalangan penggubal dasar di rantau ini sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Strategi ini perlu diperkukuh dengan strategi bersasaran bagi membantu individu membuat persiapan pada peringkat awal untuk menyesuaikan diri dengan realiti ekonomi, kewangan dan sosial baharu yang dihadapi. Dalam aspek inilah pendidikan kewangan memainkan peranan penting.

Dalam persekitaran ini, perkara yang perlu diberikan keutamaan ialah memperteguh keupayaan pengguna kewangan, terutamanya isi rumah dan perniagaan kecil, untuk mengelakkan mereka daripada dipinggirkan oleh kuasa pasaran dan kesan tidak seimbang ekoran landskap kewangan dan sosial yang berubah-ubah. Selain itu, kewangan berteraskan tanggungjawab sosial perlu diperkukuh, dan untuk menangani risiko baharu dan yang semakin meningkat iaitu terpinggir daripada rangkuman kewangan (financial exclusion). Kaedah pemprofilan risiko yang canggih oleh institusi kewangan boleh menyukarkan individu dan perniagaan mendapatkan perkhidmatan kewangan meskipun mereka layak menerimanya. Dalam kalangan mereka yang layak pula, amalan pemasaran yang agresif dan produk kewangan yang lebih kompleks juga boleh menyebabkan keputusan kewangan yang tidak tepat dalam keadaan pembaharuan ekonomi dan kewangan yang juga memberikan tanggungjawab lebih besar kepada individu untuk merancang dan membuat peruntukan bagi persaraan dan perkembangan yang tidak dijangka. Amalan pemasaran yang menyasarkan kumpulan pengguna tertentu sering kali menghalang segmen masyarakat yang lebih luas mendapatkan produk baharu yang lebih menepati keperluan kewangan mereka.

Cara penyampaian perkhidmatan kewangan kepada pengguna juga sedang menjurus ke arah saluran lebih berkesan kos, sekali gus mengurangkan keperluan hubungan secara bersemuka. Sebahagian besar pertanyaan dan aduan ditangani melalui telefon atau e-mel, dan lazimnya dalam cara yang tidak terselaras oleh pelbagai bahagian dalam sesebuah institusi kewangan. Ini juga boleh menyebabkan sokongan nasihat kepada kumpulan pengguna kewangan yang mudah terjejas mungkin kurang berkesan. Penggunaan saluran elektronik yang lebih meluas untuk membuat dan menerima pembayaran sejak kebelakangan ini memberikan potensi besar bagi rangkuman kewangan yang lebih menyeluruh. Faktor penting bagi kemajuan ini ialah akses kepada teknologi yang berkenaan dan memastikan keselamatannya terpelihara dan seterusnya membina keyakinan untuk menggunakannya. Ini juga melibatkan kesedaran tentang manfaatnya.

Perkembangan ini mungkin terlalu pantas bagi pengguna dan perniagaan yang tidak mampu membuat keputusan kewangan berdasarkan maklumat yang mencukupi berikutan kekurangan pengetahuan tentang hal-hal kewangan, lantas menyebabkan penyertaan mereka kurang berkesan dalam sistem kewangan. Tanda-tandanya ialah pertumbuhan yang pantas dalam hutang dan leveraj isi rumah di beberapa buah negara, dan keadaan ini berleluasa terutamanya dalam persekitaran mudah tunai yang lebih daripada mencukupi dan kadar faedah yang rendah. Keadaan ini juga disokong oleh norma sosial yang berubah, contohnya tekanan sosial untuk berbelanja, yang menghakis lagi disiplin kewangan dalam kalangan isi rumah. Tekanan seperti ini dibebankan pula oleh kos sara hidup yang meningkat di kawasan bandar. Namun, tahap keupayaan kewangan secara amnya tidak seiring dengan perubahan sosioekonomi, lantas mengakibatkan pengurusan kewangan yang lemah. Dengan produk dan perkhidmatan kewangan yang semakin kompleks, saluran penyampaian baharu juga telah melebarkan jurang antara penyedia produk dengan pengguna. Contohnya, saluran tanpa bersemuka yang makin meluas boleh menyebabkan pengguna lebih sukar mendapatkan maklumat. Mesej

tentang pendidikan kewangan juga sering dibayangi oleh persaingan mesej komersial yang menguasai saluran penyampaian. Meskipun perhatian banyak menjurus kepada pembaharuan struktur insentif agar kepentingan ejen kewangan dan pengguna lebih sejajar, perubahan sedemikian perlu dilaksanakan dengan lebih meluas untuk mempertingkat hasil kepada pengguna.

Dalam persekitaran ini, agenda pendidikan kewangan perlu ditangani melalui usaha bersepadu oleh pembuat dasar, pertubuhan bukan kerajaan, kumpulan-kumpulan yang membela hak pengguna dan industri kewangan untuk menyampaikan program pendidikan yang berterusan dan mampu memberikan pengetahuan kewangan yang diperlukan kepada semua segmen penduduk agar mereka dapat menyimpan, melabur dan berlindung daripada gejala yang tidak diingini. Strategi pendidikan kewangan dan intervensi pembelajaran perlu disesuaikan mengikut keadaan, budaya dan tahap pendidikan pelanggan dan responsif terhadap keperluan mereka, dengan itu meningkatkan prospek untuk menambah baik kesejahteraan ekonomi mereka.

Strategi pendidikan kewangan yang dirangka dengan baik boleh menggalakkan penyertaan lebih berkesan dalam sistem kewangan arus perdana, dan memastikan individu yang sudah berada dalam sistem kewangan arus perdana tidak terpinggir akibat perubahan dalam landskap kewangan. Laporan oleh OECD baru-baru ini menunjukkan bahawa ketiadaan kesedaran tentang pelbagai jenis produk kewangan, tahap keyakinan yang rendah dan pengetahuan yang cetek tentang ciri-ciri produk menjadi halangan bagi rangkuman kewangan. Faktor ini akan lebih nyata dalam sistem kewangan yang makin kompleks dan dipacu teknologi. Pendidikan kewangan memainkan peranan penting untuk merungkaikan halangan tersebut, dan menuntut pendekatan lebih inovatif, perkongsian lebih luas dan pemahaman lebih mendalam tentang sikap masyarakat (social attitudes). Pengalaman kami di Malaysia melalui usaha Bank Negara Malaysia dan Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (anak syarikat Bank) menunjukkan bahawa kesan strategi pendidikan kewangan bergantung pada keupayaan untuk menggabungkan strategi umum dan bersasaran dengan berkesan, serta mempunyai pendekatan yang terselaras dengan rapi yang bergantung pada pelbagai saluran untuk menjangkau pengguna daripada kumpulan yang berbeza.

Pendidikan kewangan juga merupakan usaha sepanjang hayat, dengan menggalakkan kanak-kanak menabung wang saku sejak kecil lagi hinggalah membantu orang dewasa mencapai tahap jaminan dan kebebasan kewangan semasa usia emas mereka. Bagi menyokong agenda rangkuman kewangan, inisiatif pendidikan kewangan di Malaysia dirangka sebagai kemahiran hidup yang penting, dan pengguna didedahkan kepada pengetahuan tentang pengurusan kewangan dalam fasa-fasa kehidupan mereka yang berbeza. Satu trend yang makin popular ialah keupayaan kewangan digalakkan pada usia muda dengan menyepadukan pendidikan kewangan dalam kurikulum rasmi sekolah, yang merangkumi pengurusan wang asas, perbelanjaan dan tabungan, kredit dan hutang, e-pembayaran, pengurusan risiko kewangan dan tanggungjawab pengguna. Bagi segmen remaja dan dewasa, Malaysia juga menerapkan pendekatan life event untuk membangunkan dan menyampaikan program keupayaan kewangan, yang diperteguh oleh tumpuan khusus kepada segmen masyarakat yang mudah terjejas, contohnya cara merancang untuk persaraan, kepentingan hidup mengikut kemampuan sendiri dan tingkah laku yang boleh menyebabkan hutang yang membebankan. Program ini disampaikan kepada pengguna di tempat kerja dan kolej.

Kerjasama Bank dengan majikan-majikan telah terbukti berkesan terutamanya untuk menyampaikan pendidikan kewangan mengenai pengurusan kewangan yang bertanggungjawab. Di bawah pendekatan ini, kerjasama strategik telah dijalin oleh Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit dengan lebih 200 organisasi di Malaysia untuk menyampaikan program keupayaan kewangan di tempat kerja. Penekanan yang sama diberikan untuk membangunkan

infrastruktur yang menyokong penyampaian inisiatif keupayaan kewangan dengan berkesan. Di Malaysia, akses yang bermakna kepada kandungan dan alat pendidikan kewangan, rangka kerja penilaian yang ketat dan perkongsian berkesan yang melibatkan Kerajaan, pendidik, pertubuhan bukan Kerajaan dan industri kewangan membentuk komponen penting ekosistem yang diperlukan untuk menyokong strategi pendidikan kewangan secara keseluruhannya.

Sering kali, perubahan pada tingkah laku pengguna adalah amat perlu untuk merealisasikan manfaat yang diinginkan. Di Malaysia, contohnya ialah usaha untuk menggalakkan e-pembayaran sebagai cara untuk meningkatkan kecekapan ekonomi, produktiviti dan daya saing. Teras pada agenda ini ialah pelaksanaan pelbagai inisiatif pendidikan kewangan untuk menggalakkan perubahan pada tingkah laku pengguna dan menanam keyakinan untuk menggunakan e-pembayaran. Pendidikan kewangan memainkan peranan penting bagi membekalkan pengetahuan kepada pengguna untuk menggunakan e-pembayaran secara bertanggungjawab, dan membantu pengguna melindungi diri mereka daripada risiko penipuan kewangan yang mengeksploitasikan kelemahan khusus berkaitan dengan platform pembayaran dalam talian. Pendidikan kewangan juga penting dalam usaha kami untuk menggalakkan perancangan persaraan. Dengan peningkatan jangka hayat, pengguna diharapkan dapat merancang dan mengurus kewangan mereka dengan berkesan untuk waktu persaraan. Pendidikan kewangan khusus sedang diperkenalkan, terutamanya untuk individu yang baru mula bekerja, yang bertujuan memberikan maklumat dan kemahiran yang berkaitan untuk menabung dan mengurus dana persaraan.

Matlamat lanjut pendidikan kewangan adalah untuk memperteguh agenda perlindungan pengguna termasuk perlindungan yang mencukupi terhadap kegagalan pasaran dan insentif yang tidak sejajar. Langkah ini makin relevan sejak akhir-akhir ini kerana tekanan global makin hebat untuk mengukuhkan peraturan kehematan dan amalan pasaran susulan krisis kewangan global. Ekonomi sedang pesat membangun khususnya terus menghadapi cabaran praktikal untuk memenuhi piawaian global yang turut sejajar dengan langkah menambah peluang untuk kewangan yang inklusif. Pendidikan kewangan merupakan penghubung penting dalam usaha membina sistem kewangan yang berdaya tahan jika dilanda krisis dan penyalahgunaan, dan pada masa yang sama mengehadkan kesan buruk pada sosioekonomi yang mungkin berlaku. Meskipun kerajaan memainkan peranan penting untuk mendorong agenda pendidikan kewangan, sektor swasta juga perlu terlibat secara aktif dalam pendidikan pengguna kewangan. Komitmen kepada pendidikan kewangan seharusnya menjadi komitmen asas yang diberikan oleh industri kewangan terhadap amalan profesional dan beretika dalam menjalankan perniagaan. Di Malaysia, satu rangkaian kebangsaan bagi pendidikan kewangan yang melibatkan beberapa pihak berkepentingan utama sedang diusahakan bagi menyediakan platform untuk mendorong, memberikan keutamaan dan menyelaras inisiatif pendidikan kewangan.

Strategi pendidikan kewangan juga perlu disusuli oleh tumpuan yang kukuh terhadap usaha membangunkan rejim perlindungan pengguna yang teguh, yang menekankan amalan yang adil, telus dan menyediakan jalan penyelesaian yang berkesan serta menggalakkan budaya amalan bertanggungjawab oleh penyedia perkhidmatan kewangan. Pengalaman yang diraih daripada krisis kewangan global jelas menunjukkan bahawa rangka kerja perlindungan pengguna yang berkesan bukan sahaja melindungi individu terhadap risiko yang berlebihan; ia juga memainkan peranan penting untuk melindungi sistem kewangan daripada risiko sistemik. Tumpuan khusus pada dasar perlindungan pengguna, dan perkara penting untuk mengetengahkan agenda rangkuman kewangan adalah bagi melindungi kumpulan yang mudah terjejas dan memastikan inovasi kewangan dilaksanakan dalam cara yang bertanggungjawab. Ahli lembaga pengarah dan pengurusan kanan penyedia perkhidmatan kewangan mempunyai peranan penting untuk menetapkan dasar

dan sistem insentif yang bersesuaian, yang menyokong amalan perniagaan yang adil dan bertanggungjawab. Penyedia perkhidmatan kewangan yang berurusan dalam cara yang adil kemungkinan besar dapat meningkatkan kelebihan bersaingan mereka dengan membina perhubungan lebih erat dan berpanjangan dengan pengguna dan mempertingkat nilai jenama mereka. Urus niaga yang adil juga boleh mengurangkan dedahan kepada risiko reputasi yang berpunca daripada amalan perniagaan yang kurang baik, seperti yang terbukti oleh insiden salah jual dan seterusnya hukuman yang dikenakan oleh pihak berkuasa amalan pasaran baru-baru ini.

Pada masa hadapan, cabaran yang dihadapi berikutan trend urbanisasi yang semakin giat dan perubahan demografi lain dijangka lebih nyata. Implikasinya terhadap strategi pendidikan kewangan adalah tersebar luas dan memerlukan pemikiran semula yang asas terhadap pendekatan semasa dalam usaha menyampaikan pendidikan kewangan yang memberikan kesan optimum. Pendekatan haruslah menyeluruh dan dikongsi oleh semua pihak berkepentingan dalam ekosistem kewangan. Kita mempunyai tanggungjawab bersama untuk membangunkan saluran yang berkesan bagi menyampaikan pendidikan kewangan, membina infrastruktur yang diperlukan dan terus mengembangkan program keupayaan kewangan yang berkaitan yang akan membantu pengguna membuat keputusan kewangan yang baik dengan yakin, dan berjaya menangani cabaran ekonomi dan kewangan yang baru muncul. Sidang Kemuncak ini membuka peluang yang baik untuk pihak berkepentingan bersama-sama menjana pengetahuan dan idea baharu dalam usaha kita mencapai penyertaan yang berkesan dalam sistem kewangan melalui pendidikan kewangan. Usaha bersepadu sebeginilah yang akan mengukuhkan potensi untuk mewujudkan kesan berpanjangan yang akan memainkan peranan penting dalam merealisasikan masa hadapan ekonomi yang lebih seimbang dan mampan.

Persidangan Statistik Serantau: "Sains Statistik untuk Masa Hadapan yang Lebih Baik" Kuala Lumpur, 18 November 2014

Ucaptama oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Pengenalan

Saya amat berbesar hati mengalu-alukan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan sekalian ke Persidangan Statistik Serantau Antarabangsa yang julung-julung kalinya diadakan. Persidangan ini diadakan pada masa perubahan besar dalam transformasi yang sedang berlaku di rantau kita dan di seluruh dunia. Dalam persekitaran baharu dan pesat berubah ini, sumbangan statistik telah menjadi semakin penting. Dalam dunia yang semakin kompleks, ketersediaan statistik yang berkualiti tinggi amat penting untuk memudahkan sektor awam dan sektor swasta membuat keputusan. Dunia juga sedang mengalami permintaan yang lebih tinggi untuk tahap ketelusan yang lebih tinggi, yang merupakan faktor penting untuk membina kepercayaan dan keyakinan tanpa mengira bidang dan jenis perniagaan. Komuniti statistik telah bertindak balas terhadap perubahan ini. Kemajuan yang pesat telah dicapai dalam pembangunan metodologi untuk menjana sistem ekonomi dan kewangan yang tekal. Dalam dunia yang juga telah menjadi semakin global, kemajuan ini telah memberikan banyak manfaat kepada perniagaan dan penggubal dasar dari segi ketersediaan, kebolehbandingan dan ketekalan data ekonomi merentas negara. Bagi setiap komuniti ekonomi dan kewangan untuk memahami implikasi perkembangan terkini, data yang terperinci dan komprehensif amat penting. Ini telah mendorong kerjasama antarabangsa yang lebih erat di seluruh dunia untuk menyumbang ke arah pemahaman yang lebih baik mengenai implikasi trend ini. Ini juga disokong oleh tahap profesionalisme dan integriti yang tinggi oleh perangkawan pada peringkat agensi kebangsaan dan antarabangsa.

Sejak dua dekad belakangan ini, persekitaran ekonomi dan kewangan global telah menjadi lebih saling berhubung, lebih kompleks dan lebih kompetitif. Hasilnya, integrasi ekonomi dan kewangan telah meningkat manakala kesalinghubungan menjadi lebih kompleks. Pada masa yang sama, dunia juga telah menjadi lebih tidak stabil dan semakin tidak boleh diramalkan dengan kejutan dan krisis yang kerap berlaku. Persekitaran yang baharu dan lebih mencabar ini memberikan implikasi yang ketara terhadap dasar perniagaan dan dasar awam. Ejen ekonomi perlu memahami pelbagai aspek perubahan dalam persekitaran mereka untuk membuat penilaian yang wajar dan keputusan berdasarkan maklumat. Bagi penggubal dasar, ini menyerlahkan kepentingan untuk mempunyai statistik yang diyakini, relevan dan berkualiti tinggi untuk menyokong dan merintis jalan ke arah menghasilkan keputusan dasar yang kukuh. Cabaran bagi perangkawan pula adalah untuk memajukan sains statistik secara berterusan untuk memudahkan asas untuk membina masa hadapan yang lebih baik.

Ucapan saya hari ini adalah dari perspektif sebagai ketua bank pusat. Statistik yang tepat pada masanya serta berkualiti tinggi merupakan salah satu prasyarat penting untuk bank pusat mencapai matlamat kestabilan monetari dan kewangan dengan berkesan, di samping memupuk pembangunan sektor kewangan yang utuh dan progresif. Berdasarkan pengalaman saya selama lebih daripada 30 tahun sebagai ketua bank pusat, pemahaman yang mendalam mengenai ekonomi dan sistem kewangan diperlukan

untuk membuat keputusan dasar yang betul. Perumusan dasar perlu berasaskan penilaian terperinci yang dapat memberikan pemahaman sebagai panduan dalam proses membuat keputusan. Ini dibantu oleh statistik yang berkaitan serta disokong oleh pertimbangan yang kukuh.

Bank pusat bukan sahaja merupakan pengguna statistik yang utama, malah juga merupakan pengeluar dan penyebar data monetari dan kewangan. Bank pusat meletakkan kepentingan yang tinggi terhadap penyediaan analisis dan penilaian yang mencukupi bersempena dengan pengumuman statistik. Ini bertujuan untuk memberikan konteks, mengelakkan salah tafsiran data dan mengurangkan ketidakpastian dalam kalangan agen ekonomi.

Trend Global Utama yang Membentuk Dunia Statistik

Berikutan perubahan yang berlaku di dunia, dua trend utama telah muncul dan seterusnya, mewujudkan permintaan, cabaran dan peluang yang baharu dan pelbagai dalam bidang statistik. Pertama, liberalisasi dan deregulasi ekonomi dan pasaran kewangan yang stabil telah menyebabkan kesalinghubungan yang kompleks dalam sistem kewangan domestik dan merentas sempadan. Bukan sahaja pasaran kewangan yang telah menjadi lebih saling berhubung pada peringkat global, malahan mobiliti modal dan pekerja merentas sempadan turut bertambah pesat. Di samping itu, halangan perdagangan dan pelaburan juga telah dapat diatasi. Kesemua ini telah merapatkan pasaran yang sedang berkembang serta memudahkan syarikat mewujudkan rantaian bekalan peringkat global.

Perkembangan ini telah memberikan manfaat yang menyeluruh, termasuk pempelbagaian risiko yang lebih baik, keberkesanan yang meningkat serta ekonomi ikut bidangan yang lebih besar. Walau bagaimanapun, perkembangan ini juga telah meningkatkan risiko penularan merentas sempadan dan mempercepat transmisi kejutan luaran. Kepantasan penularan risiko daripada krisis kewangan dalam ekonomi maju utama pada tahun 2008 kepada negara lain di dunia menunjukkan kesan ketara daripada penularan ini.

Rangkaian global yang semakin kompleks ini telah mewujudkan permintaan terhadap set data yang baharu untuk meningkatkan pemahaman kita mengenai kesalinghubungan dan untuk menilai implikasinya. Meskipun banyak inisiatif global untuk menambah baik statistik adalah akibat daripada krisis kewangan yang berlaku pada tahun 1990-an, namun kini diakui bahawa banyak lagi usaha yang perlu dilakukan ekoran krisis kewangan global yang lebih teruk yang menyebabkan kos yang besar di seluruh dunia. Krisis ini telah benar-benar menguji pembuat dasar dan meletakkan tuntutan yang lebih besar terhadap komuniti perangkawan.

Walaupun kekurangan data bukan merupakan punca utama berlakunya krisis kewangan global, namun terdapat jurang data dan maklumat yang ketara dalam bidang utama yang mungkin dapat membantu pihak berkuasa mengukur, memahami dan bertindak balas terhadap risiko dalam sistem kewangan antarabangsa dengan lebih baik. Hatta bagi sistem statistik yang paling canggih, seperti di AS dan di UK sekalipun, krisis ini telah menunjukkan 'black hole' dalam data yang kini perlu ditangani. Jurang maklumat yang perlu dikecilkan ini menghendaki agenda kerja yang penting dan besar pada masa akan datang. Lebih banyak usaha kini diambil untuk mengukuhkan susunan data merentas negara dan menutup jurang maklumat ini. Contohnya, statistik perbankan antarabangsa BIS telah diperluas dan diperhalus untuk merakam sepenuhnya lembaran imbangan bank yang aktif pada peringkat antarabangsa pada asas penyatuan, dan dengan lebih terperinci. Inisiatif yang sedang dilaksanakan oleh Lembaga Kestabilan Kewangan (Financial Stability Board, FSB) dan Tabung Kewangan Antarabangsa (International Monetary Fund, IMF) untuk mengatasi jurang maklumat ini, khususnya pada peringkat bank individu bagi bank-bank global yang penting dari segi sistemik, juga merupakan langkah penting ke arah ini.

Satu lagi trend global yang telah mengangkat sains statistik ke tahap yang lebih tinggi ialah inovasi dan kemajuan pesat dalam teknologi maklumat dan komunikasi. Amat menakjubkan apabila 90 peratus daripada data dunia telah dihasilkan pada dua tahun belakangan ini sahaja[1]. Dengan muatan storan data[2] (data storage capacity) yang berkembang pesat, kesalinghubungan global yang meningkat dan meliputi hampir 3 bilion pengguna internet di seluruh dunia serta kadar pertumbuhan dua angka dalam pasaran jalur lebar mudah alih, tidak dinafikan bahawa kadar pembangunan teknologi yang pantas bukan sahaja memudahkan penyusunan statistik baharu yang cepat, malahan menghasilkan pengukuran maklumat yang lebih berkesan.

Penambahbaikan teknologi telah membawa manfaat yang besar kepada kebanyakan segmen masyarakat. Dalam keadaan ketersediaan maklumat yang meluas mengenai produk perancangan kewangan, isi rumah kini berpotensi untuk membuat pilihan simpanan dan pelaburan yang lebih baik. Bagi perniagaan, peningkatan ketersediaan maklumat yang tepat pada masanya dan terperinci merupakan elemen penting yang diperlukan untuk syarikat menjangka trend baharu, mengukur daya maju pasaran dan menghasilkan produk dan perkhidmatan mengikut perubahan keadaan pasaran.

Inovasi dalam Sains Statistik telah Meningkatkan Kebajikan Masyarakat dan Menambah baik Perumusan Dasar

Dari perspektif bank pusat, ternyata kemajuan dalam bidang statistik telah mendorong pendekatan yang lebih terperinci dan saintifik terhadap pengawasan dan perumusan dasar. Memandangkan pembuat dasar sering menghadapi tukar ganti (trade-offs) yang pelbagai, sukar dan ketara, analisis statistik yang mantap memainkan peranan penting untuk menguruskan cabaran dasar jangka pendek dan jangka panjang. Dalam persekitaran semasa, pengawasan makroekonomi dan kewangan yang berpandangan ke hadapan menjadi bertambah penting berbanding dengan sebelumnya untuk mengesan potensi risiko daripada awal supaya langkah dasar awalan boleh diambil. Yang penting ialah keperluan untuk mengetahui maklumat yang cepat berubah berikutan inovasi kewangan yang semakin meningkat dan kesalinghubungan global yang lebih meluas. Oleh itu, pembuat dasar menghasilkan alat dasar yang bukan sahaja mengambil kira ramalan garis asas, tetapi lebih penting lagi, senario lain yang mungkin berlaku. Dari aspek ini, set data yang lebih besar dan lebih pelbagai yang dilengkapi dengan alat analisis yang lebih canggih membolehkan pembuat dasar meningkatkan keberkesanan pengurusan makroekonomi. Menerusi latihan analisis senario yang lebih terperinci, pihak berkuasa boleh mengenal pasti cabaran dengan lebih baik, dan membentuk pandangan yang lebih menyeluruh mengenai keadaan pada masa hadapan. Ini jelas dilihat melalui penekanan terkini terhadap keperluan ujian tekanan berkala dijalankan bagi memahami kesan kejutan ke atas kesolvenan bank individu, kestabilan sistem kewangan yang menyeluruh, ekonomi yang lebih luas dan yang lebih penting, kesan maklum balas. Peranan statistik yang terperinci dan metodologi ujian tekanan yang mantap telah menjadi amat penting.

Meskipun krisis kewangan global baru-baru ini memerlukan tumpuan dasar yang ketara untuk menangani cabaran jangka pendek, pembuat dasar juga perlu mengambil kira wawasan jangka panjang ekonomi. Reformasi penstrukturan yang berterusan diperlukan untuk mengukuhkan asas-asas dan meningkatkan daya tahan ekonomi. Ini melibatkan langkah untuk menghapuskan kekangan struktur (structural bottlenecks), meningkatkan produktiviti dan menggalakkan inovasi serta mempertingkat daya saing. Perumusan dasar struktur tersebut untuk meningkatkan prospek pertumbuhan bergantung pada penyelidikan empirik yang terperinci dalam bidang ini. Bagi ekonomi Malaysia yang sedang beralih ke arah ekonomi yang bernilai tambah lebih tinggi,

[1] Sumber: IBM Watson Foundations: http://www-01.ibm.com/software/data/bigdata/

[2] Menurut IDC, antara tahun 2013 sehingga tahun 2020, "digital universe" yang mengukur semua data digital yang dicipta, direplika dan diguna dalam satu tahun, akan berkembang dengan faktor daripada 10– sehingga 4.4 trilion gigabyte kepada 44 trilion.

ini melibatkan penetapan sasaran yang jelas, mempunyai batasan masa dan yang boleh diukur, untuk membolehkan pendekatan dasar yang berfokus. Ini banyak bergantung pada ketersediaan data dan statistik yang baik yang merakam perkembangan dalam semua sektor. Ia juga membolehkan kita memantau kemajuan dan keberkesanan dasar. Pertumbuhan ekonomi kini juga diakui akan menjadi mampan hanya apabila ia bersifat inklusif. Pertumbuhan juga akan menjadi perlahan apabila ketidaksamaan pendapatan melebar. Rangkuman kewangan juga diakui sebagai penyumbang utama untuk mencapai pembangunan ekonomi yang lebih inklusif. Oleh itu, Bank Negara Malaysia, sejak beberapa dekad ini, telah melaksanakan inisiatif untuk memberikan dan meningkatkan akses kepada perkhidmatan kewangan yang berkualiti kepada semua segmen masyarakat.

Kemajuan dalam pungutan data dan metodologi pengiraan telah menjadi faktor pendorong yang amat penting dalam kemajuan rangkuman kewangan bukan sahaja di Malaysia, malahan di kebanyakan negara lain. Maklumat yang bukan konvensional kini kerap digunakan untuk menilai kepercayaan kredit seseorang apabila maklumat secara tradisional tidak mencukupi untuk membina skor kredit. Ini boleh merangkumi rekod elektronik pembayaran bil utiliti yang lalu sehingga reputasi di media sosial[3]. Kemajuan ini telah berjaya meningkatkan akses kepada kredit bagi segmen penduduk yang sebelum ini terpinggir. Sementara itu, penyusunan dan analisis data yang terperinci mengenai golongan yang kurang mendapat perhatian dari segi kewangan merupakan bidang penting yang menyokong usaha kerjasama antarabangsa untuk memajukan agenda rangkuman kewangan global. Persekutuan bagi Rangkuman Kewangan (Alliance for Financial Inclusion, AFI) yang terdiri daripada lebih 90 buah negara ahli menetapkan keperluan matlamat negara yang boleh diukur berdasarkan set penunjuk yang sama, yang boleh dikira dan mempunyai batasan masa dalam kalangan keahliannya. Hasil daripada matlamat ini memberikan asas yang objektif untuk ahli AFI berkongsi pengalaman mengenai keberkesanan dasar mereka.

Penambahbaikan Statistik untuk Masa Hadapan Yang Lebih Baik

Kemajuan besar dalam bidang statistik telah menghasilkan manfaat yang nyata kepada ekonomi. Walau bagaimanapun, dengan dunia terus mengalami transformasi, cabaran baharu telah muncul dan banyak lagi yang harus dilakukan untuk masa hadapan. Peningkatan ketersediaan data dan maklumat turut membawa risiko. Meskipun penambahan data baharu telah menjadikan pasaran lebih cekap dan menyokong sektor swasta dan sektor awam membuat keputusan yang lebih baik, data baharu ini menyebabkan risiko baharu dari segi penipuan, kecurian dan pencerobohan privasi. Oleh itu, dasar kerahsiaan, pengawasan dan pengurusan data yang sedia ada perlu dikaji semula dan dikemas kini untuk menangani risiko baharu ini, supaya aktiviti inovatif dapat terus berkembang tanpa ancaman kepada keselamatan dan kepentingan individu.

Selain itu, dalam usaha mengurus kesalinghubungan global yang meningkat, kerjasama dan penyelarasan antarabangsa yang lebih meluas dalam bidang statistik diperlukan untuk meningkatkan liputan data merentas negara, menggalakkan pempiawaian data dan yang lebih penting, mewujudkan pemahaman yang dikongsi bersama mengenai risiko merentas sempadan dan penularan kejutan. Ciri-ciri ekonomi global dan sistem kewangan yang dinamik menunjukkan bahawa keperluan set data yang relevan merupakan sasaran yang sentiasa berubah. Dengan itu, usaha yang berterusan dan bersepadu oleh pengguna dan penyusun statistik untuk mengatasi jurang data dan maklumat adalah amat penting.

[3] Contohnya, Lenddo di Filipina, Mexico dan Colombia

Akhir sekali ialah keperluan untuk terus memberikan penekanan pada pembinaan keupayaan modal insan. Daripada penyelidik dan ahli akademik, hingga penyusun statistik dan penggubal dasar, terdapat keperluan untuk memastikan penambahbaikan seterusnya dalam bidang sains statistik terus dimajukan. Penggubal dasar dan perangkawan hari ini perlu berada di barisan hadapan dalam kemajuan statistik untuk mengenal pasti hubungan dan risiko yang baharu bagi menyesuaikan tindak balas dasar yang berkesan. Sehubungan dengan itu, peserta ekonomi dan pasaran hendaklah melabur dalam sistem dan statistik dan kepakaran yang diperlukan untuk menjana kekayaan maklumat yang sedia ada dalam operasi mereka bagi meningkatkan kesedaran dan pemahaman mengenai implikasi mereka terhadap sistem kewangan dan ekonomi secara keseluruhan.

Kesimpulan

Perubahan landskap global pada masa hadapan akan meningkatkan permintaan dengan ketara daripada sektor swasta dan sektor awam untuk statistik yang berkualiti lebih tinggi dan lebih komprehensif. Ini juga harus seiring dengan analisis yang mantap untuk menilai implikasinya. Dari sudut penyusun statistik, hingga pereka aplikasi statistik dan pengguna statistik, banyak cabaran akan dihadapi, namun peluang yang besar menanti di hadapan.

Saya berharap persidangan ini adalah produktif dan membuahkan hasil. Dengan perkongsian idea, pengetahuan dan pandangan anda mengenai statistik, kita akan bersama-sama menyumbang untuk memacu sains statistik ke arah masa hadapan yang lebih baik.

Majlis Makan Tengah Hari Jalinan Hubungan Korporat Anjuran Kelab Perniagaan ASEAN 'Hala Tuju Integrasi Kewangan Malaysia dan ASEAN: Apa yang Boleh Dijangkakan oleh Perniagaan?' Kuala Lumpur, 1 Disember 2014

Ucapan oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Dalam persekitaran ekonomi dan kewangan global yang semakin mencabar, negara ASEAN telah menunjukkan keupayaan mengharungi cabaran yang dihadapi dalam dekad ini. Negara ASEAN pada dasarnya telah mendapat manfaat hasil daripada penyusunan semula dan reformasi ekonomi dan kewangan yang dilaksanakan terdahulu. Kini, potensi ASEAN terus meningkat dengan adanya langkah-langkah pengukuhan integrasi ekonomi dan kewangan serantau. Khususnya, rantau ini telah mengambil peluang semasa tempoh pertumbuhan dan kestabilan dekad ini untuk meneruskan agenda integrasi kewangan serantau.

Saya amat berbesar hati kerana diundang untuk berucap mengenai integrasi kewangan di ASEAN pada perhimpunan pemimpin korporat terkemuka hari ini yang dianjurkan oleh Kelab Perniagaan ASEAN. Ucapan saya akan menyentuh mengenai insentif bagi usaha meneruskan integrasi kewangan serantau, manfaat yang akan diperoleh daripada usaha memajukan agenda ini dan pendekatan berbeza yang sedang diterima pakai oleh ASEAN berbanding dengan apa yang telah dilaksanakan di Eropah. Saya juga akan menerangkan mengenai kemajuan dan haluan masa depan proses integrasi ini, hala tuju masa depan dan peluang yang bakal diwujudkan daripada proses integrasi ini kepada komuniti perniagaan.

Selama lebih tiga dekad, ASEAN telah berjaya mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang tinggi. Malah ASEAN kini merupakan salah sebuah rantau yang paling pesat berkembang dan dinamik di dunia. Menurut Tabung Kewangan Antarabangsa (International Monetary Fund, IMF), pertumbuhan ekonomi di rantau ini dijangka mampan pada kadar purata 5.3% untuk tempoh lima tahun yang akan datang dan mencapai sebanyak USD3.6 trilion menjelang tahun 2019. Jumlah ini merupakan lima kali jumlahnya sedekad yang lalu. Selain itu, terdapat peningkatan yang nyata dalam bilangan penduduk kelas menengah di ASEAN. Dengan jumlah penduduk melebihi 600 juta orang, trend ini akan menghasilkan permintaan akhir yang nyata lebih besar dalam ekonomi global. Ini diperkukuh oleh peningkatan pendapatan di rantau ini. Dalam dekad yang lalu, pendapatan per kapita ASEAN meningkat hampir tiga kali. Oleh itu, ASEAN menjadi hab yang pesat berkembang dari segi permintaan pengguna. Menjelang tahun 2020, penduduk Asia dianggarkan berjumlah lebih separuh daripada jumlah penduduk kelas pertengahan global, dengan sumbangan ASEAN sebanyak lebih USD2 trilion dari segi penggunaan baharu di rantau ini.

Bersama-sama dengan pembangunan rantaian bekalan merentas sempadan yang lebih teguh di rantau ini, integrasi ekonomi ASEAN dapat dilihat dalam beberapa bidang. Khususnya, aktiviti perdagangan dan pelaburan dalam rantau ini meningkat dengan nyata dalam tempoh 15 tahun ini. Sejak tahun 1990, perdagangan dalam rantau ASEAN berkembang daripada 18% kepada 24% daripada jumlah perdagangan, dan pelaburan dalam rantau ASEAN meningkat empat kali sejak tahun 2000, daripada 4% kepada 17% daripada jumlah pelaburan. Walaupun wujud

trend perkembangan yang lebih jelas bagi perdagangan dan pelaburan dalam rantau, integrasi kewangan dalam rantau ini agak perlahan. Ini lantas menimbulkan persoalan sama ada integrasi kewangan serantau benar-benar penting, memandangkan tanpanya, integrasi ekonomi tetap berlaku. Walau bagaimanapun, ekonomi ASEAN kini mencapai tahap pembangunan yang pesat dalam dekad ini, integrasi kewangan serantau yang lebih besar akan terus meningkatkan potensi pertumbuhan rantau ini. Satu faktor penting yang akan menyerlahkan potensi kita sepenuhnya ialah usaha yang lebih giat bagi integrasi dan kerjasama di rantau ASEAN.

Manfaat utama integrasi kewangan

Integrasi kewangan yang lebih pesat di ASEAN bukan sahaja dapat meningkatkan pertumbuhan pada peringkat negara bahkan menjadi pemangkin untuk mencapai pertumbuhan yang saling memperkukuh ekonomi di rantau ini. Integrasi kewangan serantau akan menghasilkan pengantaraan dana yang lebih berkesan dan juga pengagihan sumber yang cekap di rantau ini. Tabungan lebihan di sesebuah negara boleh disalurkan kepada pelaburan yang produktif di negara lain dalam rantau ini, lantas menggalakkan pertumbuhan. Rantau ASEAN merupakan salah sebuah rantau dengan kadar tabungan tertinggi di dunia, iaitu kira-kira 30%, di samping mempunyai rizab antarabangsa sebanyak USD800 bilion. Namun, sebahagian besar daripada dana lebihan di ASEAN disalurkan terutamanya melalui pasaran kewangan antarabangsa sebelum dilaburkan semula ke dalam rantau ini. Khususnya, lebih 90% daripada aliran pelaburan portfolio merentas sempadan disalurkan ke negara-negara maju. Memandangkan keperluan pembiayaan di ASEAN adalah amat besar, khususnya untuk projek pelaburan dan pembangunan infrastruktur yang utama, integrasi kewangan yang lebih meluas akan memudahkan penyaluran sebahagian daripada dana lebihan di rantau ini ke rantau ini yang mempunyai peluang pelaburan yang produktif.

Integrasi kewangan serantau juga membolehkan pempelbagaian risiko yang lebih berkesan bagi aset, termasuk aset asing dalam rantau ini. Ini bukan sahaja mengurangkan risiko kepada perkembangan luaran bahkan menyumbang kepada keadaan pasaran kewangan serantau yang lebih stabil. Di samping itu, trend ini telah diperkukuh oleh penyelarasan dan kerjasama yang lebih baik dalam kalangan bank pusat dan pihak pengawal selia serantau untuk memelihara kestabilan kewangan. Tindakan secara kolektif telah meningkatkan keupayaan mengurus dan bertindak balas terhadap risiko yang dihadapi oleh rantau ini. Integrasi kewangan yang lebih meluas juga telah mewujudkan persekitaran yang diperlukan bagi perniagaan. Ini membantu akses kepada pembiayaan pelaburan yang lebih baik di rantau ini. Khususnya, dengan adanya institusi kewangan yang lebih besar dan semakin berdaya maju di rantau ini serta pasaran kewangan yang lebih maju, peluang pendanaan merentas sempadan dapat diwujudkan di rantau ini selain penawaran lebih banyak pilihan pembiayaan buat sektor perniagaan. Usaha selanjutnya dalam bidang ini sedang dijalankan dan kemajuan yang besar dijangka dicapai dalam dekad yang akan datang.

Ciri-ciri utama yang membezakan model integrasi ASEAN

Walaupun ASEAN boleh menimba pengalaman daripada model integrasi monetari dan kewangan Eropah, rantau ini telah menetapkan hala tujunya ke arah integrasi kewangan yang lebih meluas. Dalam Kesatuan Eropah, pembentukan kesatuan monetari merupakan elemen utama untuk merealisasikan integrasi ekonomi mereka. Penggunaan mata wang tunggal merupakan langkah penting dalam pembentukan integrasi Eropah serantau. Sebaliknya, kesatuan monetari dengan mata wang tunggal bukan merupakan matlamat rantau ASEAN. Satu kajian oleh Bank-Bank Pusat ASEAN yang dijalankan pada awal tahun 2000-an merumuskan bahawa penggunaan mata wang yang sama tidak seharusnya menjadi matlamat rantau ini, memandangkan ekonomi ASEAN tidak mempunyai prasyarat untuk membentuk kesatuan seperti itu. Malah, prasyarat seperti itu memerlukan kos yang

sangat besar bagi rantau ini. Oleh itu, ini bukanlah satu cadangan yang berdaya maju. Rantau ASEAN merupakan salah satu kawasan yang paling pelbagai di dunia dari segi saiz, sistem dan struktur ekonomi, tahap pembangunan, sistem kewangan serta keadaan ekonomi dan kewangannya pada masa ini. Oleh itu, telah dirumuskan bahawa daripada berusaha ke arah strategi untuk membentuk mata wang tunggal dan kesatuan monetari, adalah lebih baik bagi rantau ini untuk berusaha ke arah integrasi kewangan serantau yang lebih besar bagi mencapai matlamat yang sama, iaitu berkongsi kemakmuran ekonomi yang lebih meluas.

Satu lagi perbezaan utama antara model integrasi Eropah dengan ASEAN adalah dari segi struktur tadbir urus. Di Eropah, kesatuan monetari ditadbir urus oleh sebuah institusi pusat, manakala pendekatan di ASEAN pula adalah dengan mewujudkan pengaturan institusi dan mekanisme yang akan membantu integrasi kewangan sambil memanfaatkan rangkaian jawatankuasa bagi proses tadbir urus. Ini disokong oleh perjanjian yang telah dan akan dimeterai berdasarkan komitmen negara anggota ASEAN. Integrasi kewangan di ASEAN juga telah menerima pakai pendekatan yang lebih fleksibel, yang membolehkan negara anggota mengambil bahagian dalam proses ini berdasarkan tahap kesediaan masing-masing. Ini bagi memastikan tiada negara yang akan terjejas teruk daripada proses ini. Tambahan lagi, usaha-usaha penting tertumpu pada pembinaan kapasiti dalam pelbagai bidang perbankan dan kewangan untuk menggalakkan kemajuan yang menyeluruh dalam proses integrasi di rantau ini. Kerjasama serantau dalam kalangan penggubal dasar turut tertumpu pada pengawasan serantau dan perkongsian maklumat. Ini bagi membantu pemahaman yang lebih mendalam mengenai isu-isu serantau serta pengesanan risiko dan kelemahan. Kerjasama ini juga adalah untuk menimbulkan kesedaran mengenai implikasi dan pengalaman alternatif pilihan dasar bagi menangani perkembangan mencabar yang besar yang dihadapi rantau ini. Ini telah menambah baik keupayaan mengurus implikasi perkembangan luaran dan kemungkinan berlakunya krisis ekonomi dan kewangan.

Apa yang boleh dijangkakan oleh perniagaan

Dalam tempoh selepas Krisis Kewangan Asia, rantau ini telah mencapai kemajuan yang besar dalam usaha memperkukuh daya tahan, ketangkasan dan keupayaan sektor perbankannya. Institusi kewangan ASEAN juga kini telah wujud di rantau ini. Walaupun bank perdagangan ASEAN lebih banyak menggembleng dana pada peringkat negara, integrasi kewangan serantau yang lebih besar kini merintis jalan kepada institusi kewangan di rantau ini untuk mengambil bahagian dalam rangkaian perbankan serantau. Rangka Kerja Integrasi Perbankan ASEAN (ASEAN Banking Integration Framework, ABIF), kini dalam peringkat akhir perumusan. Matlamat akhir inisiatif ini adalah untuk membolehkan kehadiran institusi kewangan ASEAN secara lebih meluas di rantau ini untuk beroperasi dan sekali gus memudahkan aktiviti perdagangan dan pelaburan dalam rantau secara lebih giat. Oleh itu, sektor perniagaan akan mendapat manfaat melalui akses yang lebih baik kepada sumber pembiayaan yang lebih banyak dan lebih selamat bagi membiayai aktiviti perdagangan dan pelaburan merentas sempadan.

Kemajuan juga dicapai dalam usaha membangunkan pasaran modal di rantau ini dan ke arah integrasi kewangan yang lebih meluas bagi pasaran ini. Sepanjang dekad yang lalu, saiz pasaran bon ASEAN telah meningkat lebih tiga kali dari segi jumlah sehingga mencapai USD1.1 trilion. Bursa ASEAN, iaitu kerjasama tujuh bursa saham dalam rantau ini, telah dilancarkan pada tahun 2011 untuk memacu kerjasama merentas sempadan, menyelaraskan akses, mencipta produk bertumpukan ASEAN (ASEAN-centric), dan melaksanakan inisiatif promosi bersasaran. Di samping itu, penyenaraian indeks ASEAN dengan Financial Times dan London Stock Exchange (FTSE) pada tahun 2005 juga terus menyerlahkan kewujudan bursa ASEAN dalam pasaran, yang mewakili hampir 95% daripada permodalan pasaran yang boleh dilaburkan di rantau ini dan mempunyai jumlah permodalan pasaran kira-kira USD2.9 trilion. Platform bersama untuk

perniagaan ASEAN ini memudahkan aktiviti penyenaraian merentas sempadan bursa saham dan juga pemerolehan dana.

Akhir sekali, Bank-Bank Pusat ASEAN dan Pihak Berkuasa Monetari telah lama terlibat dalam pelbagai inisiatif kerjasama serantau untuk membangunkan sistem pembayaran dan penyelesaian yang cekap, selamat dan berwibawa. Sebagai contoh, pembentukan Rangkaian Pembayaran Asia (Asian Payment Network, APN) bertujuan mewujudkan mekanisme penyelesaian runcit baharu bagi negara-negara yang mengambil bahagian. Rangkaian ini membolehkan pemegang kad ATM mengeluarkan wang di negara-negara lain yang mengambil bahagian, lantas memudahkan urus niaga. Ini seterusnya akan menyumbang kepada pertumbuhan sektor pelancongan dan perniagaan runcit dalam ekonomi rantau ini. Dengan adanya permintaan untuk memasukkan kad debit dan kredit serta pemindahan wang dan perbankan mudah alih, sektor perniagaan akan dapat memanfaatkan perkhidmatan ini untuk mengurangkan kos urus niaga dan meningkatkan kecekapan urus niaga mereka.

Kesimpulan

Izinkan saya membuat kesimpulan. Walaupun terdapat perbezaan budaya, sejarah dan bahasa yang menjadikan setiap negara ASEAN unik, terdapat persamaan dalam hubungan di seluruh rantau ini yang memelihara perpaduan kita semua - komitmen sebulat suara dan tidak berbelah bahagi untuk bersama-sama memperkasakan rakyat kita. Walau bagaimanapun, perpaduan ini juga memerlukan komuniti perniagaan ASEAN memperlengkap usaha yang dilaksanakan oleh pihak-pihak berkuasa serantau. Malaysia menyambut baik pelantikannya sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun 2015 dan akan meneruskan kemajuan yang telah dicapai dalam usaha mempertingkat integrasi kewangan dan ekonomi serantau. Ini termasuk agenda mempromosikan ASEAN sebagai destinasi pelaburan global. Integrasi ASEAN merupakan satu tanggungjawab bersama. Oleh yang demikian, marilah kita sama-sama menunjukkan bahawa kekuatan ASEAN sesungguhnya terletak pada perpaduan negara anggotanya.